

Malaysia teruskan sekatan perjalanan untuk 3 wilayah China dan negara terjejas COVID-19

AstroAwani

13 Mac 2020

Fareez Azman,

PUTRAJAYA : Kerajaan akan meneruskan sekatan perjalanan untuk tiga wilayah di China iaitu Hubei, Jiangsu dan Zhejiang, selain Hokkaido, Jepun; Itali; Iran dan Republik Korea.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rakyat Malaysia dinasihatkan tidak melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas dengan COVID-19.

"Di samping itu, kapal-kapal persiaran hanya dibenarkan berlabuh untuk penambahan bekalan. Hanya kru warganegara Malaysia dibenarkan turun dari kapal dan mereka dikehendaki melalui saringan kesihatan," katanya semasa menyampaikan perutusan khas berkaitan COVID-19 yang disiarkan secara langsung pada Jumaat malam.

Selain itu, kerajaan amat prihatin dengan nasib rakyat Malaysia yang berada di negara-negara yang terjejas teruk dengan wabak COVID-19 seperti di China, Iran, Itali dan Korea Selatan.

"Sehingga kini, kerajaan telah membawa pulang seramai 107 orang rakyat Malaysia dari sebahagian negara-negara ini.

"Seramai 65 orang rakyat Malaysia yang berada di Iran dan 323 orang yang berada di Itali sedang dalam proses untuk dibawa pulang," tambahnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-teruskan-sekatan-perjalanan-untuk-3-wilayah-china-dan-negara-terjejas-covid-19-233641>